

27 MAY 1999

Law-Penyelidikan

INSTITUSI R & D DIMINTA MEREVOLUSIKAN PENDEKATAN

KUALA LUMPUR, 27 Mei (Bernama) -- Semua institusi yang terbabit dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R & D) diminta membawa perubahan dalam pendekatan masing-masing, kata Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding.

Beliau berkata mereka harus keluar daripada cara konvensional menjalankan penyelidikan dan pembangunan dalam konteks menguruskan dana dan juga menjalankan tanggungjawab.

"Universiti dan institusi lain yang terbabit dalam R & D diminta mengemukakan cadangan," kata Law kepada pemberita selepas sesi dialog dengan Ketua Pegawai Eksekutif dan Penyelaras Program R & D dari universiti dan institusi penyelidikan tempatan.

Law berkata langkah itu diusahakan selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan rasa kesal bualan lepas bahawa peruntukan bagi R & D tidak digunakan sepenuhnya oleh institusi penyelidikan.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan memperuntukkan sejumlah RM470 juta bagi Dana khas untuk tujuan itu.

Law berkata kementerian juga mensyorkan kajian untuk mengkaji Dasar Sains dan Teknologi Negara termasuk mengenal pasti mekanisme baru bagi membiayai penyelidikan.

Law juga berkata peratusan bagi Skim Geran Multimedia (MSG) telah ditambah daripada 50 peratus kepada 70 peratus selaras dengan geran lain seperti Skim Geran Industri.

Di bawah MGS yang diperuntukkan RM100 juta, semua syarikat tempatan yang diberi status Koridor Raya Multimedia (MSC) boleh memohon geran untuk menjalankan penyelidikan dalam sains dan teknologi.

Law juga berkata pihaknya menggalakkan industri-industri memberi maklumat balas tentang bidang-bidang yang penyelidikan dan pembangunan perlu dijalankan.

Semasa dialog, Law berkata para peserta membangkitkan isu pengagihan pembiayaan secara adil dan sama rata ekoran dakwaan bahawa sesetengah peruntukan menguntungkan sektor atau institusi tertentu.

"Ada banyak yang kami tidak dapat meliputi semua bidang. Agro-industri masih merupakan penerima terbesar dan ini disebabkan kemudahan dan keupayaan lebih baik," kata beliau.

Law berkata bagi mengelakkan pertindihan dalam projek kaji selidik, cuma satu daripada 33 institusi yang terbabit akan dikenal pasti untuk menjalankan projek tertentu dengan sumber manusia di institusi berkenaan digemblengkan.

Dalam pada itu, rangkaian antara institusi-institusi terbabit dalam R & D, kementerian dan industri akan diperbaiki, kata beliau.

"ASda juga cadangan untuk mewujudkan laman web supaya semua institusi boleh menyalurkan pandangan dan masalah melalui Internet. mereka juga mahu perlindungan dan sokongan bagi inovasi mereka daripada agensi-agensi kerajaan," kata beliau.

Beliau berkata, di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, kementerian menerima hampir 4,000 permohonan bagi pembiayaan dan telah meluluskan 57 peratus daripadanya.

Agro-industri ialah penerima terbesar dengan RM141.6 juta diikuti oleh kesihatan dan kejuruteraan sains sementara Universiti Putra Malaysia diberi peruntukan terbesar di kalangan 33 institusi iaitu RM91.9 juta.

-- BERNAMA

AR FAZ